

**TAKABBUR : SIFAT DILAKNATI ALLAH**  
**Oleh : S.S Dato' Dato' Hj Abd. Majid Bin Omar**  
**Timbalan Mufti Negeri Selangor**

Imam Al-Ghazali menyatakan bahawa hakikat budi pekerti itu ialah perilaku yang meresap dalam jiwa seseorang. Perilaku inilah yang menerbitkan perbuatan-perbuatan dengan perasaan senang dan mudah, tanpa perlu lagi kepada pemikiran dan pertimbangan. Jika yang terbit dari perilaku itu perbuatan yang elok dan terpuji menurut ukuran akal mahupun syarak, maka ia dinamakan budi pekerti yang baik. Sebaliknya jika yang terbit pula perbuatan yang jahat sebab terbitnya segala perbuatan jahat itu dinamakan budi pekerti yang jahat.

Antara budi pekerti yang jahat itu adalah takabbur. Takabbur memebawa maksud melihat diri mengatasi orang lain dari segi kesempurnaan. Apabila seseorang melihat dirinya dengan pandangan hebat, dia akan menghina orang lain yang tidak sehebat dan setaraf dengannya. Orang ini akan melihat kebenaranitu sebagai sesuatu yang mencabar kedudukannya dan memperkecilkan statusnya.

Punca-punca takabbur, antaranya :-

1. Bersifat ujub.

Seseorang tidak bersifat takabbur elainkan setelah dia merasa ujub dengan dirinya sendiri dan melihat dirinya lebih dari orang lain. Penyakit ujub boleh membinasakan seseorang.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

Tiga perkara yang membinasakan iaitu sikap bakhil yang ditaati, hawa nafsu yang diikuti dan seseorang merasa ujub dengan dirinya sendiri.

2. Memperkecilkan orang lain

Orang yang tidak memperkecilkan orang lain tidak akan menunjukkan sikap takabbur terhadap mereka. Sebaliknya hanya orang yang yang memperkecilkan dan memperlekehka mereka sahaja yang akan dihinggapi penyakit takabbur.

3. Cintakan kemegahan dan ketinggian.

Orang yang cintakan kemegahan dan ketinggian akan udah terjerumus ke lembah penyakit takabbur dan sombong.

4. Mengikut hawa nafsu

Takabur muncul dari mengikut hawa nafsu kerana hawa nafsu menyeru kea rah bermegah-megah dan meninggi diri di muka bumi.

Bencana yang dibawa oleh penyakit takabbur adalah amat besar akibatnya kepada Islam, Negara dan juga masyarakat. Pnyakit ini bukan sahaja memusnahkan golongan yang memerintah, bahkan juga pernah merosakkan para ulama dan ahli-ahli ibadah.

Takabbur merupakan dosa pertama yang dilakukan oleh iblis laknatullah di muka bumi. Akibatnya ia disingkirkan dari mendapat rahmat Allah dan menjadi makhluk terlaknat, Puncaknya ialah kerana ia merasakan taraf Nabi Adam 'Alaihissalam tidak sama dengannya kerana Nabi Adam 'Alaihissalam diciptakan daripada tanah, sedangkan dirinya sendiri diciptakan daripada api. Justeru, ia enggan sujud menghormati Nabi Adam "alaihissalam, sedangkan semua malaikat sejud menghormati Adam a.s. Iblis menggunakan tipu daya dan cakap yang berbelit-belit ketika enggan sujud kepada Nabi Adam 'Alaihissalam dengan mengatakan tidak boleh sujud kepada makhluk, sebaliknya sujud yang sebenar hanya boleh dilakukan kepada Allah S.W.T. sahaja. Iblis gagal memahami yang sujud tersebut diperintahkan oleh Allah dalam bentuk menghormati Nabi Adam a.s. dan bukannya dalam bentuk sujud menyembah Allah.

Firman Allah S.W.T. yang bermaksud :

“ Dan ingatlah ketika kami berfirman kepada para malaikat, sujudlah kamu semua (menghormati) kepada Adam, mereka semua sujud kecuali iblis, ia enggan berbuat demikian dan ia berlaku sombong kerana itu jadilah ia termasuk ke dalam golongan orang-orang yang kufur.”

(Al-Baqarah: 34)

Orang-orang yang takabbur melihat, beramal dengan nas sebagai ketinggalanzaman. Kenyataan ini mereka keluarkan kerana diri mereka telah diselaputi sepenuhnya dengan kemegahan dan kecintaandunia yang telah mengelabui mata mereka sehinggamereka tidak dapat melihat kebenaran yang dibawa oleh al-Quran itu sendiri.

Ada orang yang dikurniakan dengan berbaga-bagai nikmat seperti kesihatan tubuh badan, isteri yang cantik, anak pinak yang ramai, harta yang melimpah ruah, pangkat, ilmu yang pengetahuan dan lain-lain tetapi sayangnya ia lupa kepada Tuhan yang memberi nikmat. Dia menganggap segala nikmat tersebut diperolehi kerana dirinya memang layak untuk itu. Padahal, Allah S.W.T. menganugerahkan nikmat-nikmat tersebut wujud padanya.

Antara takabbur yang paling keji ialah enggan mengambil manfaat dari ilmu pengetahuan, enggan menerima kebenaran yang dibawa oleh Islam dan tidak mahu tunduk kepada kebenaran tersebut.

Begitu juga menyangka nikmat yang diperolehinya kekal abadi dan tidak akan hilang dari dirinya. Di bawah bayangan inilah, ia mula memperlekehkan orang lain. Ia lupa yang nikmat itu semua tidak lebih dari pinjaman daripada Allah S.W.T. semata-mata.

Antara sifat takabbur pada diri seseorang ialah :

1. Berjalan dengan sombong, menegakkan tengkuk dan memalingkan pipi dari seseorang.
2. Melakukan kerosakan di muka bumi apabila terdapat ruang untuk berbuat demikian.
3. Sukakan manusia berkunjung kepadanya, tetapi ia sendiri tidak mengunjungi mereka.

4. Suka terdahulu daripada orang lain dari segi berjalan atau ketika berada di dalam majlis ketika bercakap dan sebagainya.

Firman Allah yang bermaksud :

“Dan janganlah engkau memalingkan mukamu kerana memandang rendah kepada manusia dan janganlah engkau berjalan di muka bumi dengan berlagak sombong. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada tiap-tiap orang yang sombong takabbur lagi membanggakan diri. Dansederhanakanlah langkahmu semasa berjalan, juga rendahkan suaramu semasa berkata-kata. Sesungguhnya seburuk-buruk suara ialah suara keldai.”

(Al-Lukman:18-19)

Antara rawatan mengubat penyakit sombong dan takabbur, ialah :

1. Mengingati akibat buruk yang akan dialami oleh seseorang yang takabbur sama ada di dunia mahu pun di akhirat. Mudah-mudahan ingatan ini akan menggerakkan dirinya untuk bertaubat kepada Allah dan seterusnya menampung kembali kekurangan yang dilakukannya.
2. Menziarahi orang sakit, orang-orang yang ditimpa bencana, menguruskan jenazah dan menziarahi kubur. Mudah-mudahan hal ini akan mendekatkan diri kepada Allah dan mengamalkan sikap tawaduk yang sebenar.
3. Bergaul dengan orang-orang fakir dan miskin kerana ia akan mendidik jiwa seseorang dan dapat melakkannya dari terjerumus ke lembah penyelewengan.
4. Memikirkan tentang diri sendiri, alam dan juga nikmat yang melingkungi diri. Fikirkanlah dari manakah sumbernya? Siapakah penguasa yang sebenar? Bagaimanakah keadaan seseorang itu kalau Allah menarik kembali nikmat-nikmat tersebut?
5. Melihat nasib malang yang dialami oleh orang-orang yang takabbur seperti iblis, Namrud, Firaun, Haman dan Qarun.
6. Sentiasa memuhasabah diri sendiri supaya kekurangan yang dilakukan oleh diri itu dapat ditampung dengan segera.

Oleh yang demikian, kita hendaklah memahami bahawa tidak aada apa yang boleh diharapkan dari sikap sombong dan takabbur. Kewujudannya hanya merosakkan amalan manusia itu sendiri dan menjadikan mereka layak menerima laknat Allah dan menghuni nerakaNya. Sehubungan itu, setiap orang Islam wajib meninggalkan sikap takabbur dan sombong dalam dirinya.